

SIME DARBYAzira Bandar Bukit Raja
dapat sambutan positif Ms.28**BH HARTANAH**

[FOTO HIASAN]

Rumah transit ringankan beban pasangan muda

➔ Lokasi RT1M
tumpu kawasan
bandar besarOleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@nstp.com.my

Isu kenaikan harga rumah yang semakin di luar kemampuan rakyat tempatan sememangnya mendapat perhatian daripada pihak berwajib.

Menyadari akan kepentingan pemilihan rumah untuk penduduk yang tidak berkemampuan, kerajaan mengambil langkah memperkenalkan Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M).

Program ini dibuat bertujuan memberi kemudahan perumahan kepada pasangan muda yang berkahwin dan berusia 30 tahun ke bawah.

Pada masa ini, lokasi program ini lebih tertumpu kepada bandar besar bagi mengurangkan beban kepada pasangan muda yang ber-

pendapatan rendah atau mereka yang berkelayakan.

RT1M dilaksanakan menerusi konsep sewaan dengan jumlah yang ditetapkan mengikut lokasi rumah berkenaan.

Pemohon boleh menduduki rumah transit selama sekurang-kurangnya tiga tahun dan akan diberikan notis enam bulan sebelum tamat tempoh kontrak bagi tujuan pengosongan rumah.

Pada masa ini, sebanyak dua blok merangkumi 632 unit rumah di PPR Pingiran Bukit Jalil dijadikan projek perintis bagi program ini.

Rumah transit di ibu negara

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, Pangsapuri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kampung Sungai Udang, Segambut, bakal menjadi rumah transit pertama sepenuhnya di ibu negara apabila pembinaannya siap pada tahun hadapan.

Katanya, projek yang merangkumi 1,200 unit rumah itu dibina khusus bagi golongan belia dan pasangan muda baharu berkahwin secara sementara sebelum memili-

ki kediaman sendiri.

"Ia dibina dengan kos pembinaan sebanyak RM300 juta membabitkan kawasan seluas 2.22 hektar.


"Projek berkenaan turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti dewan, surau, tempat letak kereta dan gelanggang futsal," katanya.

Ringan beban belia

Mengulas lanjut, Tengku Adnan berkata, walaupun konsep rumah transit ini bersifat penyelesaian jangka pendek, namun ia diharapkan dapat meringankan beban golongan belia untuk membina kehidupan secara berperingkat.

Tambahnya, proses pemilihan akan dibuat menerusi pendaftaran yang bakal dibuka dalam masa terdekat dan proses saringan akan dilaksanakan bagi memastikan hanya yang benar-benar layak dan memerlukan sahaja yang diberikan keutamaan.

"Pada masa sama, dua lagi rumah transit dengan konsep sama juga akan dibangunkan di Kampung Kerinchi dan Bandar Tun Razak," katanya.

SYARAT PERMOHONAN RT1M


Pemohon dan pasangan adalah warganegara;



Pemohon berusia 18 hingga 30 tahun



Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di kawasan/ negeri rumah yang dimohon

Pemohon bekerja di kawasan/ negeri rumah transit yang dimohon



Pendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah

